

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Noraini binti Ahmad
[Parit Sulong]**

TARIKH : 25 November 2015

NO. SOALAN : 42

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah langkah-langkah terkini Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah berdepan dengan kesan kejatuhan harga getah dunia ketika ini selain daripada menggalakkan tanaman dan ternakan sampingan di kebun-kebun kecil getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui RISDA telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah berdepan dengan kesan kejatuhan harga getah dunia ketika ini selain daripada menggalakkan tanaman dan ternakan sampingan di kebun-kebun kecil getah.

Dalam perancangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), sebanyak enam (6) Teras Pembangunan Pekebun Kecil digariskan sebagai panduan dalam memastikan peningkatan pendapatan pekebun kecil iaitu:

Teras 1: Meningkatkan Produktiviti Kebun Pekebun Kecil;

Teras 2: Pengurangan Kos Pengeluaran Hasil;

- Teras 3: Pelaksanaan Aktiviti Sokongan dan Sampingan;**
- Teras 4: Menambah Pendapatan Pekebun Kecil;**
- Teras 5: Pembangunan Generasi Kedua; dan**
- Teras 6: Mempelbagai Jenis Tanaman Tanam Semula.**